

22 JUL 2000

Mahathir-Tanah

MELAYU PERLU UBAH SIKAP TERHADAP TANAH UNTUK BERHASIL

KUALA LUMPUR, 22 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, rakyat, khususnya Bumiputera perlu menggugurkan pendapat bahawa tanah adalah punca kekayaan jika ingin memastikan tanah yang dimiliki dapat diusahakan dengan produktif.

Perdana Menteri berkata Malaysia sudah maju dan sumber kekayaan bukan hanya tanah tetapi juga anika jenis perniagaan dan perusahaan yang boleh dimiliki secara langsung atau melalui saham.

"Mereka yang memiliki saham biasanya lebih kaya dan berharta daripada pemilik tanah, terutama tanah yang tidak diusahakan secara komersil."

"Sebenarnya kecekapan berniaga, mengurus, dan memiliki saham lebih bermakna daripada pemilikan tanah," katanya ketika merasmikan pameran Pertanian, Hortikultur dan Pelancongan Pertanian (MAHA) 2000 di sini, hari ini.

Beliau berkata sikap terlalu menghargai tanah tanpa mengambilkira hasil perlu dikikis jika kita ingin memajukan pertanian sebagai sumber kekayaan sambil menjelaskan bahawa estet memberi pulangan lumayan bukan kerana pemilikan tanah secara langsung tetapi kerana pemilikan saham dalam syarikat perladangan.

Dr Mahathir berkata di negara maju keluasan tanah bukan penentu hasil yang tinggi daripada pertanian, sebaliknya yang menentukannya ialah kecekapan pengurusan dan teknologi yang tinggi.

Beliau berkata lantaran itu kerajaan ingin memperkenalkan 'mixed farming' atau perladangan campuran dengan jenis-jenis tanaman yang akan ditanam bagi satu-satu musim akan ditentukan oleh pasaran dan haiwan juga boleh ditenak di atas ladang yang sama mengikut permintaan pasaran.

"Untuk maksud ini Kerajaan telah menentukan universiti tempatan mengadakan kursus latihan untuk pengurusan ladang-ladang campuran ini. Kita akan belajar daripada negara maju cara-cara pengurusan yang baik," katanya.

Beliau yang tidak mahu petani terus menjadi golongan yang miskin di negara ini, berkata insya-Allah perubahan yang akan dilakukan, jika tidak diganggu oleh pihak tertentu, akan mendatangkan pendapatan yang lebih lumayan kepada petani-petani kita.

Perdana Menteri yang mengumumkan bahawa wawasan Malaysia yang terbaru ialah menjadikan Malaysia negara pengeluar yang terancang dan termoden bahan-bahan makanan untuk keperluan negara dan eksport berkata, kejayaan Wawasan Pertanian itu bergantung kepada penggunaan teknologi dan pengetahuan.

"Kita mesti bersedia kerana jika tidak, maka kita akan dijajah semula melalui keperluan makanan (food security), kerana makanan kita tidak mencukupi dan kita perlu mengimport. Pergantungan kepada negara luar akan keperluan asas ini amat merbahaya dan boleh menggugat kebebasan negara kita," katanya.

Beliau berkata ternakan haiwan juga akan dipermodenkan dan tumbuhan seperti ulam-ulaman perlu diusahakan secara tersusun pengeluarannya kerana punca semulajadi tidak boleh membekalkan permintaan yang banyak (mass consumption), sambil mencadangkan setiap bandar perlu ada kawasan tanaman ulam sendiri.

Mengenai MAHA, beliau berkata ia telah dihidupkan semula pada tahun 1999 setelah lebih 31 tahun diberhentikan kerana ia telah berjaya dan mendapat sambutan di luar jangkauan dan kerajaan memutuskan supaya MAHA dianjurkan sebagai acara tahunan kerana banyak faedah yang boleh di

perolehi.
-- BERNAMA
MNY PR